

## Terkejut diumum juara pertandingan komunikasi

**Shah Alam:** Ambil peluang, laksanakan dengan bersungguh-sungguh.

Itu kunci juara Poly's Voice 2017 Politeknik Malaysia, pada pertandingan komunikasi yang julung kali diadakan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), di sini, semalam.

Michelle Francis Anak Minggu, 20, pelajar Politeknik Mukah (PMU), Sarawak itu mengakui tidak menyangka mara ke pertandingan akhir dan peluang itu digunakan secukupnya untuk melakukan yang terbaik pada setiap tugas diberikan.

"Saya terkejut diumumkan juara dan usaha itu sangat berbaloi kerana datang dari jauh dan saya bersyukur dengan pencapaian itu."

"Banyak yang saya pelajari sepanjang pertandingan ini antaranya format pengacaraan dan dalam pada itu saya gembira kerana mendapat kerjasama secara berpasukan daripada peserta lain," katanya di temui pada Majlis Penutup Poly's Voice 2017 Politeknik Malaysia di Dewan Serbaguna PSA, semalam.

Pertandingan komunikasi dan pengucapan itu diras-

mikan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Profesor Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik Wan Zulkifly Wan Zakaria dan Pengarah PSA Tajuddin Abd Rashid.

Michelle Francis menerima hadiah wang tunai RM1,000, sijil dan piala. Tempat kedua dimenangi Muhammad Syairul Islam Basmullah, 18 dari PSA, di sini, seterusnya mendapat RM800, sijil serta trofi.

Tempat ketiga, Muhammad Faris Azimi Abdul Ghani, 20, dari Politeknik Seberang Perai (PSP) mendapat wang tunai RM500, sijil serta trofi dan tempat keempat, Sharifah Syameera Syed Ameen, 19, dari Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) mendapat RM300, sijil serta trofi.

Sementara itu, Dr Mohd Ismail berkata, pertandingan yang disertai semua politeknik itu bertujuan mencungkil, melahirkan dan melatih pelajar dalam pelbagai bidang kemahiran insaniah bagi menyediakan mereka dengan alam kerjaya selepas tamat pengajian.



MICHELLE muncul johan pertandingan Poly's Voice 2017 Politeknik Malaysia di Dewan Serbaguna PSA, semalam.